

23 FEB 1999

Sabah-jalan

CADANGAN BINA JALAN KENINGAU PENUHI JANJI DR MAHATHIR

KOTA BELUD, 23 Feb (Bernama) -- Sebagai memenuhi janji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada penduduk Keningau untuk mempercepatkan pembangunan di situ, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Velu hari ini mengumumkan cadangan membina sebatang jalan raya baru menghubungkan daerah pedalaman itu dengan Kota Kinabalu.

Samy Vellu berkata cadangan membina jalan sejauh 260km itu yang akan melalui kawasan Sapulut, akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang bermula tahun 2001.

Jalan ini akan mempercepatkan pembangunan Keningau seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri, kata beliau kepada pemberita di Tuaran dekat sini.

Dr Mahathir yang melawat Sabah tiga hari minggu lepas telah berjanji kepada penduduk Keningau bahawa beliau akan memberi tumpuan kepada pembangunan daerah itu.

Samy Vellu berkata bahawa jalan itu akan membolehkan lebih banyak kawasan baru di pedalaman Keningau dibangunkan melalui projek-projek ekonomi yang menguntungkan rakyat sekitarnya.

Jabatan Kerja Raya Sabah telah mengenal pasti kawasan bagi pembinaan jalan itu, yang kebanyakannya merentasi kawasan luar bandar. Jabatan itu akan melaksanakan beberapa kajian termasuk mengenai kos pembinaan.

Samy Vellu juga berkata kerajaan pusat telah bersetuju untuk membina dan menaik taraf 12 jalan raya di seluruh Sabah sebelum akhir tahun depan membabitkan kos sebanyak RM510 juta.

Katanya beliau akan membentangkan kertas kerja kepada kabinet bagi persetujuan mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM344 juta bagi membaiki keadaan jalan raya yang ada.

Jumlah itu adalah tambahan kepada keseluruhan peruntukan RM1.2 bilion kepada Sabah mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh.

Terdahulu, Samy Vellu melawat projek jalan raya Berungis-Kota Belud sejauh 53 km dan bernilai RM170.7 juta yang siap dibina pada Oktober tahun lepas. Beliau juga meninjau projek jalan raya pantai Kota Kinabalu-Sulaman bernilai RM314.6 juta yang dalam pembinaan dan dijangka siap Oktober tahun depan.

Jalan raya pantai Kota Kinabalu-Sulaman juga melibatkan pembinaan Jambatan Mengkabong sejauh 545 meter -- yang terpanjang di Sabah -- merentasi Sungai Likas, dengan kos RM22.5 juta.

Menurutnya kedua-dua projek itu yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan pusat menguntungkan rakyat Sabah kerana ia mengurangkan separuh masa perjalanan berbanding menggunakan laluan lama serta mampu meningkatkan aktiviti ekonomi.

"Rakyat Sabah juga amat beruntung kerana tidak perlu membayar tol berbanding dengan rakyat di negeri-negeri lain yang menggunakan jalan baru," katanya.

Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata walaupun dengan keahlian hanya 3,400 orang atau 0.5 peratus daripada pengundi Sabah, beliau yakin masyarakat India mampu membantu calon Barisan Nasional (BN) memenangi beberapa kerusi pada pilihan raya negeri 12 dan 13 Mac ini.

"MIC akan menyusun jentera parti serta menubuhkan jawatankuasa bagi memastikan ahlinya dapat membantu calon-calon parti komponen BN lain pada pilihan raya ini," katanya.

Samy Vellu berkata masyarakat India mampu menjadi faktor membantu

kemenangan calon BN di kawasan seperti di Tanjung Aru yang mempunyai 600 anggota, Sandakan 350 anggota dan Tawau 300 anggota.

MIC Sabah akan mengadakan satu konvensyen di Kota Kinabalu pada 7 Mac ini.

-- BERNAMA

RAR MAI